

# Dr M tidak tahu hasrat Ghafar

LIMASSOL (Cyprus), <sup>P</sup>Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Ghafar Baba tidak memberitahunya mengenai hasrat menarik diri daripada bertanding jawatan Timbalan Presiden Umno.

"Pada mulanya diberitahu dia akan bertanding sebab itu tidak menarik diri tetapi dia tidak memberitahu kepada saya (hasrat menarik diri)," katanya ketika diminta mengulas keputusan Ghafar semalam.

Datuk Seri Anwar Ibra-

him semalam menang tanpa bertanding jawatan Timbalan Presiden Umno selepas wakil Ghafar, Abdul Rahman Yunos mengemukakan surat penolakan pencalonan di Ibu Pejabat Umno jam 3.10 petang semalam.

Dr Mahathir berkata, beliau akan mengkaji kesan daripada penarikan pencalonan Ghafar itu.

"Saya kena fikir apa kesannya," katanya kepada wartawan Malaysia selepas menemui Perdana Menteri, Singapura, Goh Chok Tong, di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, beliau akan membuat keputusan apabila pulang ke Malaysia selepas tamatnya Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) 25 Oktober ini.

Menurutnya, beliau berharap dapat menemui Ghafar untuk berbincang.

Ghafar yang masih Timbalan Presiden Umno sehingga 4 November ini, dijangka merasmikan serentak Perhimpunan Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno sehari sebelum itu.

Sementara itu, Naib Presiden Umno, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, berkata beliau tidak terkejut dengan penarikan pencalonan oleh Ghafar.

"Saya mengucapkan tahniah kepada Anwar dan keputusan Ghafar membuka jalan kepada Anwar sebagai Timbalan Presiden Umno," kata beliau.

Abdullah berkata, ahli Umno patut menerima baik keputusan Ghafar dan pemilihan lain akan berjalan seperti biasa.